

28 MAY 1998

TIDAK PERLU VISA BAGI LAWATAN KURANG 15 HARI KE MESIR

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia yang melawat Mesir kurang daripada 15 hari bermula 1 Jun tidak lagi perlu mempunyai visa, menurut Kedutaan Mesir di sini hari ini.

Dalam satu kenyataan, Kaunselor kedutaan itu Tarek Abou Senna berkata kerajaan Mesir bersetuju untuk mengecualikan rakyat Malaysia daripada syarat visa itu semasa lawatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Mesir baru-baru ini.

Bagaimanapun syarat visa itu masih berkuatkuasa terhadap rakyat Malaysia yang tinggal di Mesir melebihi 15 hari, katanya.

Beliau berkata langkah itu bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia melawat negara itu.

-- BERNAMA

AU RHM